

Keng Yaik dilantik Penasihat Gerakan

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 2 April - Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik yang secara rasmi berundur sebagai Presiden Gerakan pada 8 April ini akan dilantik sebagai Penasihat Kebangsaan parti itu.

Ketika mengumumkan perkara itu, Timbalan Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, resolusi mengenai pelantikan Keng Yaik akan dikemukakan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) parti itu, Ahad ini.

Beliau berkata, EGM itu juga akan mengemukakan resolusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Keng Yaik atas kepimpinannya selama 26 tahun sehingga berjaya meletakkan Gerakan daripada sebuah parti kecil menjadi parti bertaraf kebangsaan dan parti komponen penting kepada Barisan Nasional (BN).

"Kepada saya, beliau ialah seorang guru dan kawan. Saya pasti kebanyakan pemimpin dan ahli parti amat bersyukur," katanya pada sidang akhbar di pejabat Parti Gerakan, di sini hari ini.

Tsu Koon berkata, parti sebenarnya tetap mahu Keng Yaik menerajui Gerakan tetapi akhirnya akur dan menghormati hasrat beliau untuk berundur setelah berulang kali menyuarakannya.



KOH TSU KOON

Beliau yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, turut menyuarakan harapan Gerakan supaya Keng Yaik akan terus memegang jawatan dalam Kabinet sehingga mandat kerajaan Barisan Nasional (BN) berakhir.

Ini kerana, katanya, sumbangan Keng Yaik kepada negara amat nyata sama ada ketika menyandang jawatan Menteri Perusahaan Utama mahu pun Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

Beliau berkata, Keng Yaik mempunyai sejarah yang panjang dalam kerajaan termasuk berkhidmat sebagai Menteri Kanan dan banyak memberi sumbangan terhadap pembangunan dan pembinaan negara khususnya dalam bidang ekonomi sebagai Menteri Perusahaan Utama



LIM KENG YAIK

Koon yang juga Pemangku Presiden untuk membuat keputusan bersama Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai kedudukannya dalam kerajaan.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi itu berkata, beliau akan patuh sekiranya Perdana Menteri mahu, beliau terus berkhidmat tetapi hanya sehingga akhir penggal Parlimen ini.

Dalam pada itu, ditanya sama ada pelantikan Keng Yaik sebagai Penasihat Gerakan akan menyebabkan beliau kelak campur tangan dalam urusan parti, Tsu Koon yang bakal memangku jawatan Presiden Gerakan selepas 8 April ini, sebaliknya lebih senang ia dianggap sebagai memberi input positif.

selama 18 tahun. "Beliau berjaya membangunkan pasaran komoditi seperti getah, timah dan minyak kelapa sawit. Selama tiga tahun sebagai Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, sumbangan beliau amatlah nyata," katanya.

Keng Yaik sebelum ini menjelaskan, beliau menyerahkan kepada Tsu

um- 3/4/2007